

Nama: _____

Tarikh: _____

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Markah:

100

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Masa: 1 jam 15 minit

Bahagian A


[15 markah]

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kedudukan atlet negara dalam kejohanan basikal antarabangsa semakin _____ peringkat
- A mampat C gagah
B mantap D teguh

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Beberapa buah sampen nelayan yang _____ pada jeti terolang-alang.
- A tertambat C terikat
B tersimpul D terkawal

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Farid berjalan agak _____ kerana kakinya luka apabila terpijak kaca.
- A terkial-kial
B terpinga-pinga

- C terhincut-hincut
D terhegeh-hegeh

4. Suraya merupakan atlet _____ sekolah dalam acara balapan.
- A sokongan C tumpuan
B harapan D pegangan

5. Peserta-peserta perkhemahan itu _____ semasa mendengar taklimat tentang keselamatan daripada Cikgu Azman.
- A. telinga kualiti
B pasang badan
C pasang telinga
D telinga tempayan

Soalan 6

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

6. I Tokoh negara itu banyak *menabur* jasa demi memperjuangkan kemerdekaan negara.
II Ayah mengajak abang ke kebun untuk *menabur* baja pada sayur-sayuran.
III Haida terus *menabur* pakaian yang kotor itu ke dalam mesin basuh.
IV Air mata ibu terus *menabur* apabila mendengar berita kejayaan abang.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 7

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

7. Kegunaan teknologi moden dalam industri pertanian memberikan hasil yang lumayan.
- A Kegunaan teknologi moden di dalam
B Pengguna teknologi moden dalam
C Penggunaan teknologi moden dalam
D Kegunaan teknologi moden dalam

Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

8. I Kami menunggu Rajesh di kantin sejak dari pukul 1:30 petang.
II Semua barang di dalam bakul itu untuk Encik Halim sekeluarga.
III Perbincangan itu sudah berlangsung selama dua jam setengah.
IV Saya bercuti di Pahang dengan keluarga pada cuti sekolah yang lalu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Program gotong-royong itu terpaksa ditangguhkan ekoran hujan turun dengan lebatnya sejak awal pagi tadi.
- A Hujan turun dengan lebatnya sejak awal pagi tadi semasa penangguhan program gotong-royong itu.
B Hujan yang turun dengan lebatnya terpaksa ditangguhkan ekoran program gotong-royong itu.
C Disebabkan program gotong-royong itu ditangguhkan, hujan turun dengan lebatnya sejak awal pagi itu.
D Disebabkan hujan turun dengan lebatnya sejak awal pagi tadi, program gotong-royong itu terpaksa ditangguhkan.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Peribahasa yang berikut membawa maksud semangat bekerjasama dan saling membantu, **kecuali**
- A berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
B hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.
C di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
D bukit sama didaki, lurah sama dituruni

Soalan 11 – 15

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan berikutnya.

"Kalau tak berikan hadiah tak apa kan?" tanya bapa sambil mengunyah nasi goreng perlahan-lahan.

"Tak apa, tapi malulah Zah. Kawan-kawan semuanya beli hadiah untuk guru kesayangan mereka. Ada yang membuatnya sendiri. Mereka ada kakak dan abang yang tolong buat. Macam Zah ini, duit pun tak ada. Nak minta Abang Azman tolong buat, dia pula jauh di Shah Alam."

"Kalau macam tu, Zah pun boleh buat sendiri hadiah untuk Cikgu Zaleha," kata emak memujuk.

"Macam mana?"

"Menganyam."

"Anyam apa?"

itu perempuan, tentu dia gemar menyimpan hasil-hasil kerja tangan, tambahan pula daripada muridnya yang paling disayangi," kata emak lagi. Kali ini lebih bersungguh-sungguh memberikan cadangan. Azizah terdiam. Di hatinya terfikir juga akan kebenaran kata-kata emaknya.

"Modalnya?" tanya Azizah, hampir menyetujui cadangan yang diberikan oleh emaknya.

"Modalnya tak mahal, cuma perlu beli pewarna. Dua botol pewarna harganya seringggit. Kalau nak buat raga, gunakan tiga warna."

"Kalau buat tudung saji, berapa warna, mak?" tanya Azizah, tertarik.

"Tiga warna pun boleh."

"Zah ada seringggit lapan puluh sen. Mak bagi dua puluh sen, ya? Zah nak buat tudung saji yang paling cantik untuk Cikgu Zaleha. Kalau cukup duit, Zah nak buat tudung saji dalam empat warna. Tentu cantik, kan mak?" kata Azizah dengan riang dan yakin. Emak tersenyum puas hati kerana dapat menyelesaikan masalah anaknya itu.

Dipetik daripada cerpen 'Hadiah',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata menyetujui cadangan membawa maksud

A membenarkan pandangan.
B menyatakan harapan.
C mengikut rancangan.
D mengiakan saranan.

12. Kalau cukup duit, Zah nak buat tudung saji dalam empat warna.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah bandingan semacam yang sesuai.

A Adil macam hakim
B Rajin macam semut
C Sibuk macam lebah
D Degil macam keldai

13. Emak tersenyum puas hati kerana kerana dapat menyelesaikan masalah anaknya itu.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah persoalan yang paling tepat dengan pernyataan tersebut?

A Kesabaran dalam mengharungi ujian
B Keistimewaan yang dimiliki oleh seseorang
C Kebijaksanaan dalam menyelesaikan sesuatu masalah
D Kegigihan dalam mencapai kejayaan yang diimpikan

14. Yang berikut ialah perwatakan Azizah dalam petikan cerpen tersebut, **kecuali**

A gigih. C rasional.
B prihatin. D baik hati.

15. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan?

A Azizah hendak menghasilkan tudung saji dalam empat warna untuk gurunya jika wangnya mencukupi.
B Azizah dibantu oleh ibunya membuat anyaman.
C Azizah hendak membeli hadiah untuk cikgu kesayangannya.
D Azizah memerlukan modal yang banyak untuk membuat anyaman.